

# Abdullah: China bukan ancaman ekonomi Malaysia

**KUALA LUMPUR 10 Jun** - Malaysia memandang China sebagai rakan ekonomi yang berpotensi dan bukan sebagai negara yang boleh mengancam kedudukannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kita melihat China sebagai satu peluang ekonomi di mana kita boleh mendapatkan manfaat ekonomi kerana China ialah sebuah pasaran besar," kata beliau dalam temubual dengan *Phoenix Satellite Television* pada 29 Mei lepas.

Rancangan temubual itu disiarkan hari ini menerusi stesen satelit *Astro*.

Beliau berkata, China, yang ekonominya berkembang pesat akan menguntungkan ahli perniagaan kedua-dua negara dan Malaysia telah mengenalpasti beberapa sektor utama yang ia akan usahakan dengan aktif.

"Kita telah mengenalpasti bidang-bidang baru kerjasama dalam bioteknologi, pelancongan, pendidikan, penjagaan kesihatan dan teknologi tinggi. Kami akan menekankan pada pertanian yang menawarkan sumber baru pendapatan dan kemakmuran bagi penduduk luar bandar," kata beliau lagi.

Perdana Menteri yang mengetuai satu rombongan besar dari Malaysia, kebanyakannya ahli perniagaan, melawat China dari 27 hingga 31 Mei.

Semasa temubual setengah jam itu, Abdullah juga ditanya mengenai apa yang menyumbangkan kepada pertumbuhan sihat ekonomi Malaysia sejak beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada Oktober lepas.

Beliau berkata, kerajaan menumpukan pada dua aspek utama - membanteras rasuah dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan

awam - yang meningkatkan lagi keyakinan sektor swasta.

"Kami telah memastikan adanya kecekapan dalam perkhidmatan awam, membanteras rasuah, pentadbiran baik, pengurusan ekonomi secara berhemah. Terdapat satu tahap keyakinan terhadap kerajaan dan mereka (sektor swasta) percaya mereka mendapat layanan yang adil," kata Abdullah lagi.

Selain daripada usaha yang diambil oleh kerajaan, 'faktor-faktor baik' juga memihak kepada kerajaan, kata beliau lagi.

"Tiada SARS (Sindrom Pernafasan Akut Teruk) dan sehinggakan kami berjaya mencegah wabak selesema burung di Malaysia. Faktor-faktor baik memihak kepada kita," katanya.

Ditanya mengenai cadangan Amerika Syarikat untuk melindungi Selat Melaka daripada ancaman keganasan, Abdullah berkata, Malaysia dan jiran-jirannya mampu melindungi laluan perkapalan antarabangsa itu.

Sementara itu, mengenai isu keganasan di selatan Thailand, membabitkan puak pemisah Islam dan

tentera Thailand baru-baru ini, Abdullah berkata, Malaysia dan Thailand boleh menyelesaikan masalah itu tanpa campurtangan asing.

"Kami percaya, kami dan Thailand boleh bekerjasama dan kami memahami situasi di Selatan Thailand," katanya lagi.

Tetapi beliau mengingatkan jika isu puak pemisah itu tidak ditangani dengan bijak, pelarian mungkin membanjiri Malaysia dan menyebabkan masalah kepadanya. — Bernama